

Info Bantuan Prihatin Elektrik

• Apakah Bantuan Prihatin Elektrik (BPE)?

BPE adalah pakej bantuan tambahan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia bersama TNB kepada semua pelanggan domestik dalam bentuk manfaat penggunaan elektrik percuma sehingga RM77 sebulan, bersamaan penggunaan elektrik sehingga 300kWj pertama untuk tempoh tiga bulan pelaksanaan PKP.

• Apakah perbezaan antara Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) ini dengan diskaun Prihatin?

Diskaun Prihatin diberikan kepada para pelanggan bermula April 2020 hingga Disember 2020, manakala BPE adalah bantuan tambahan yang diberikan secara sekali gus bagi meringankan beban kenaikan bil yang lebih tinggi sepanjang April hingga Jun 2020 yang dihadapi para pelanggan.

• Siapakah yang layak menerima BPE?

Semua pelanggan domestik TNB akan menerima BPE yang jumlahnya akan dimasukkan secara sekali gus ke dalam bil bulan Julai 2020.

• Saya adalah pelanggan Meter Pintar, adakah saya layak menerima BPE?

Semua pelanggan domestik akan menerima BPE ini, termasuklah pelanggan smart meter.

• Bagaimanakah saya boleh menyemak kelayakan saya, ahli keluarga atau penyewa rumah untuk menerima BPE?

Pelanggan tidak perlu membuat semakan kelayakan kerana BPE akan diberikan secara automatik kepada semua pelanggan domestik.

Sumber: www.tnb.com.my

BPE ringankan beban ibu tunggal

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI
Foto SHIDDIEQIIN ZON

SEORANG ibu tunggal beranak lima yang hanya bergantung kepada bantuan Baitulmal bagi menampung keperluan harian mampu menarik nafas lega apabila kemelut kewangannya untuk membayar bil elektrik berjaya diselesaikan.

Salmiah Sohed, 51 yang menerima bantuan sebanyak RM450 sebulan daripada Baitulmal bagi membiayai perbelanjaannya sekeluarga dikategorikan di bawah B40 kerana tidak memiliki pendapatan tetap.

Menurut beliau, purata bil elektrik di rumahnya yang terletak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam, Kuala Lumpur sebelum ini adalah sekitar RM30 sebulan.

“Sebelum ini, amat berat bagi saya untuk membayar bil elektrik sebanyak RM30,” katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di rumahnya di sini baru-baru ini.

Salmiah menjelaskan, apabila penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac



SALMIAH menunjukkan penyata elektrik yang menunjukkan diskaun dan pengurangan caj di rumahnya di PPR, Pantai Dalam, Kuala Lumpur baru-baru ini.

lalu, penggunaan tenaga elektrik di rumahnya juga bertambah berbanding penggunaan harian sebelum ini.

Namun begitu, mimpi ngerinya hilang sekelip mata ekoran tindakan proaktif Tenaga Nasional Bhd. (TNB) yang memperkenalkan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) bermula April lalu.

“Kebiasaannya purata bil bulanan kediaman hanya RM30, tapi bila mendapat bil terbaharu sepanjang tempoh PKP, jumlah tersebut melambung dan melebihi amaun asal.

“Saya amat bersyukur dengan diskaun dan pengurangan jumlah bil elektrik yang diberikan TNB sepanjang tempoh PKP rentetan penularan Covid-19.

“Jujur saya katakan sepanjang PKP, tiga anak saya tidak dapat bekerja sekali gus tidak mempunyai sebarang pendapatan,” ujarnya.

Tambah Salmiah, dengan adanya inisiatif yang diberikan TNB termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan kerajaan, dia kini mampu menarik nafas lega dan kembali tersenyum.

Tindakan prihatin, proaktif TNB ringankan beban rakyat

PENGEDARAN bil elektrik oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) pada awal Jun lalu telah mendapat pelbagai reaksi negatif khususnya rasa marah daripada para pelanggannya kerana nilai caj yang terlalu tinggi dan tidak munasabah.

Namun setelah diberi pelbagai penerangan khususnya mengenai kaedah pengiraan caj bil, keadaan marah dan kecewa pengguna semakin reda kini.

Rata-rata pelanggan TNB yang ditemui *Kosmo!* di Kuala Lumpur baru-baru ini berpuas hati terhadap pendekatan yang diambil syarikat gergasi utiliti negara itu kerana mendekati pelanggan dengan memberi penerangan secara jelas berhubung pengiraan bil dan juga Bantuan Prihatin Elektrik (BPE).

Seorang eksekutif di sebuah syarikat swasta, Noorzila Mohd.



NOORZILA

Tajuddin, 44 berkata, pada awalnya dia amat terkejut ketika menerima bil terbaharu sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) yang naik mendadak



GEORGE

hingga dua kali ganda. “Usaha TNB memberi penerangan mengenai BPE banyak membantu sekali gus meringankan beban pengguna.

“Anggaran bil elektrik setiap bulan sebelum ini RM100 sahaja, tetapi apabila mendapat bil terbaharu sehingga naik mendadak sampai RM200. Saya amat terkejut.

“Selepas dikira balik, saya sebenarnya mendapat dan layak menikmati diskaun sebanyak 15 peratus.

“Ini bermakna dari bulan April hingga Jun, saya mendapat diskaun sebanyak RM231 atau RM77 sebulan,” katanya.

Noorzila amat bersyukur atas inisiatif yang diperkenalkan TNB dan kerajaan kerana mengurangkan beban isi rumah sepanjang berdepan detik sukar ekoran pandemik Covid-19 yang melanda dunia.

Senada dengan Noorzila ialah Datuk George Joseph, 83, yang menzahirkan ucapan terima

kasih terhadap bantuan dan inisiatif diberi kerajaan kepadanya.

Jelas bekas pensyarah maktab perguruan itu, tindakan dan langkah proaktif TNB selaku syarikat berkaitan kerajaan amat bertepatan bagi membantu meringankan beban rakyat terutama dalam mendepani Covid-19.

“Purata bil elektrik di rumah saya yang turut menempatkan lima ahli keluarga lain ialah antara RM180 ke RM220 sebulan.

“Tapi bila waktu PKP, bil naik melambung hingga melebihi RM400.

“Namun selepas ditolak diskaun, saya hanya perlu membayar RM173 sahaja,” ujarnya sambil menyifatkan TNB sebagai sebuah badan korporat yang prihatin rakyat dan responsif,” jelasnya.